




Permudah maklumat fahami vaksin

Jun 1, 2021 @ 11:00am



Penentangan terhadap program imunisasi bukanlah isu kontemporari. Sejak program ini diperkenalkan pada awal 1800-an, keraguan terhadap vaksin sudah mula menular.

Di Malaysia, ibu bapa yang menolak vaksinasi meningkat daripada 470 kes kepada 1,541 kes hanya dalam tempoh tiga tahun.

Trend ini ibarat api dalam sekam. Sekiranya tidak dibendung, misi untuk mencapai imuniti kelompok mungkin tidak kesampaian. Persoalan yang sering berputar dalam fikiran - 'kenapa golongan ini susah sangat nak faham?'

Bagi menjawab persoalan ini, dua faktor perlu diambil kira iaitu tahap literasi kesihatan dan kebolehbacaan maklumat kesihatan.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Pandemik buka peluang membudayakan celik sains](#)
- [Perkasa akses maklumat pemberian vaksin COVID-19](#)
- [100 sekolah di Selangor perintis program NILAM](#)
- [Persiap mekanisme lahirkan warganegara digital](#)

Menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), mereka yang mempunyai tahap literasi kesihatan yang lemah cenderung untuk membuat keputusan yang boleh memudaratkan kesihatan.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 6m [Pengembara sudah divaksin dikecualikan kuarantin](#)
- 7m [Varian membimbangkan COVID-19 sudah menular dalam komuniti](#)
- 18m [Panda gergasi, Liang Liang lahirkan anak ketiga](#)
- 18m [Permohonan berkahwin di Wilayah Persekutuan ditangguh](#)
- 19m [PEMERKASA+ bantu usahawan mikro](#)
- 25m [Nestle Malaysia taja sajian berkhasiat di PPV](#)
- 28m [Awie masih tunggu keputusan polis](#)
- 29m [Menteri Arab Saudi pertahan had pembesar suara di masjid](#)

Menurut laporan Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan (KKM) pada 2015, literasi kesihatan warganegara dewasa amatlah rendah iaitu 6.6 peratus.

Literasi kesihatan amat berkait rapat dengan maklumat kesihatan. Maklumat kesihatan yang ditulis pada aras bacaan yang terlalu tinggi boleh menjadi penghalang kepada pembaca dan pesakit untuk faham dan bertindak.

Oleh itu, maklumat kesihatan yang ditujukan kepada orang awam ini haruslah ditulis tidak melebihi aras bacaan Tahun 6. Mungkin ramai berfikir mustahil zaman moden ini masih ada yang tidak mampu membaca.

Pada 2019, Kementerian Pendidikan melaporkan daripada 24.8 juta penduduk Malaysia berusia 15 tahun ke atas, 4.1 peratus tidak mendapat pendidikan yang formal.

Selebihnya, 17.2 peratus berjaya mendapatkan pendidikan rendah, 52.6 peratus pendidikan menengah dan 26.1 peratus berjaya menamatkan peringkat seterusnya.

Bagi mengukur tahap kebolehbacaan sesuatu maklumat kesihatan secara objektif, formula kebolehbacaan boleh digunakan.

Bagi teks bahasa Melayu, Formula Kebolehbacaan Khadijah Rohani (FKKR) membantu mengukur aras bacaan maklumat mengikut tahap pendidikan.

Kajian saya dan rakan-rakan pada awal penularan virus COVID-19 menggunakan FKKR menunjukkan aras bacaan maklumat COVID-19 dari empat laman sesawang KKM ditulis melebihi aras Tahun Enam.

Tidak mustahil mereka yang tidak mempunyai pendidikan formal dan tidak berjaya menamatkan pendidikan menengah ini mampu menghadam kepentingan vaksin ini. Boleh jadi juga mereka inilah yang menolak vaksin tanpa usul periksa.


Namun, persoalan ini juga perlu dijawab - bagaimana pula golongan antivaksin daripada mereka yang bijak pandai bahkan ahli bidang?

Kita perlu duduk berbincang bantu golongan 'kayangan' ini.

Ahmad Rauyani Ab Hamid,

Pensyarah Matrikulasi Jabatan Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

BERITA BERKAITAN



SIHAT Sep 12, 2019 @ 4:23pm

Pesakit kanser perlu maklumat



RENCANA Mei 27, 2017 @ 7:21am

Beri kesedaran keperluan faedah

VAKSIN



NASIONAL Mei 31, 2021 @ 3:05pm

Semak alamat di aplikasi MySejahtera - KJ

NASIONAL Mei 31, 2021 @ 2:56pm

PPV mega: Kelantan harap bekalan vaksin tidak dikurangkan



NASIONAL Mei 31, 2021 @ 1:10pm

Vaksinasi trak bergerak di PPR, tapak binaan



NASIONAL Mei 31, 2021 @ 12:56pm

1,052,145 individu lengkap dos kedua vaksin



NASIONAL Mei 30, 2021 @ 5:58pm

12 sektor perkilangan boleh beroperasi



NASIONAL Mei 30, 2021 @ 5:22pm

Orang ramai tidak boleh pilih jenis vaksin - KJ



TRENDING



KES sejam yang lepas

Pekerja reban ayam didakwa membunuh



KORPORAT sejam yang lepas

Zamsaham mahu SC, Bursa campur tangan



KES 2 jam yang lepas

Langgar SOP, 37 dikompaun solat berjemaah



NASIONAL 3 jam yang lepas

Anak meraung, halang ambil ibu dijangkiti COVID-19



NASIONAL Mei 31, 2021 @ 9:27pm

RM2.1 bilion tambahan untuk Bantuan Prihatin Rakyat

MYRESIPI



TIPS & AMP; PETUA 12 jam yang lepas

6 Petua Goreng Ayam Lembut, Empuk & #038; Tak Berdarah